

Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan
(Akta 298)
Di Zon Ekonomi Eksklusif

Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959 (AKTA 298)

- Disemak hingga..... 8hb Julai 1983
- Tarikh Berkuasa..... 19hb Januari 1984
- Tarikh disiarkan dalam Warta 29hb Disember 1983

Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959 (AKTA 298)

- Bertujuan mengadakan peruntukan mengenai kawasan larangan dan tempat larangan.
- Kawasan larangan (S. 2 Akta 298)
- Mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan larangan mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 4;

Sambungan

- Tempat larangan (S. 2 Akta 298)
- Mana-mana premis yang diisytiharkan sebagai tempat larangan mengikut peruntukan-peruntukan 5.

Pegawai berkuasa (S. 2 Akta 298)

- Mana-mana pegawai polis;
- Mana-mana orang yang memegang surat tauliah dalam mana-mana angkatan tentera tempatan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis @ dalam mana-mana angkatan pelawat yang sah di sisi undang-undang berada di Malaysia;

Sambungan

- Mana-mana anggota angkatan tentera @ mana-mana angkatan tentera tempatan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang undang bertulis @ dalam mana-mana angkatan pelawat yang sah di sisi undang undang berada di Malaysia yang menjalankan tugas-tugas seorang pengawal @ sentry dalam mana-mana tempat larangan @ kawasan larangan menurut perintah-perintah yang dikeluarkan oleh seorang yang memegang surat tauliah dalam mana-mana angkatan tentera @ mana-mana angkatan tentera tempatan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis @ mana-mana angkatan pelawat yang sah di sisi undang-undang berada di Malaysia;

Sambungan

- Mana-mana orang yang menjalankan tugas-tugas pengawal @ jaga dalam tempat larangan @ kawasan larangan dan diberi kuasa dengan khasnya bagi maksud itu oleh seorang pegawai polis di bawah seksyen 3.

Pemberian Kuasa Kepada Pengawal Dan Jaga

- Ketua Polis Negara, mana-mana Ketua Pegawai Polis dan mana pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa atau lebih tinggi yang diberi kuasa dalam hal itu oleh Ketua Polis Negara atau Ketua Pegawai Polis, boleh
- memberi kuasa kepada mana-mana orang yang menjalankan tugas-tugas pengawal @ jaga di dalam kawasan larangan @ tempat larangan untuk menjalankan kuasa-kuasa seorang pegawai berkuasa di bawah Akta ini.

Kawasan Larangan (S. 4 Akta 298)

- Jika berhubungan dengan mana-mana kawasan pada hemat Menteri adalah perlu atau suai-manfaat bahawa langkah-langkah khas patut diambil **bagi mengawal pergerakan dan kelakuan orang-orang di dalamnya** dia boleh dengan perintah mengisytiharkan kawasan itu sebagai kawasan larangan bagi maksud-maksud Akta ini.
- **Menteri** adalah Menteri yang dilantik di bawah Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan yang bertanggungjawab kepada perkara ini.

Sambungan

- Mana-mana orang yang berada di dalam mana-mana kawasan larangan
- **Hendaklah mematuhi apa-apa arahan bagi mengawalselia pergerakan dan kelakuannya** yang diberi oleh pegawai berkuasa,
- Seorang pegawai berkuasa boleh memeriksa mana-mana orang yang memasuki, atau bertujuan untuk memasuki, atau berada di dalam, kawasan larangan, dan boleh menahan mana-mana orang tersebut bagi tujuan memeriksanya.

Sambungan

- Jika mana-mana orang semasa berada di dalam kawasan larangan tidak mematuhi apa-apa arahan yang diberi dibawah subseksyen (2) maka,
- tanpa menjejaskan apa-apa prosiding yang boleh diambil terhadapnya, dia boleh dikeluarkan dari kawasan tersebut oleh pegawai berkuasa.

Tempat Larangan (S. 5 Akta 298)

- Jika mana-mana premis pada hemat Menteri adalah perlu atau suai-manfaat bahawa tindakan berjaga-jaga yang khas hendaklah diambil bagi mencegah kemasukan ke dalamnya orang-orang yang tidak dibenarkan, Menteri boleh dengan perintah
- Mengisytiharkan premis tersebut sebagai tempat larangan dan selagi perintah ini berkuatkuasa
- Tiada seorang pun boleh berada di premis tersebut melainkan jika dia memiliki paskad atau permit yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa @ orang yang dinyatakan dalam perintah itu @ telah menerima kebenaran pegawai berkuasa yang bertugas di premis untuk memasuki premis itu.

Sambungan

- Mana-mana orang diberi kebenaran untuk berada di suatu tempat larangan, orang tersebut hendaklah, semasa bertindak di bawah kebenaran itu, **mematuhi apa-apa arahan bagi mengawalselia kelakuannya** yang diberi oleh pihak berkuasa atau orang yang memberi kebenaran itu;
- Seorang pegawai berkuasa @ mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh penghuni premis itu,
- Boleh memeriksa mana-mana orang yang memasuki, atau bertujuan untuk memasuki, @ berada di dalam, tempat larangan, dan boleh menahan mana-mana orang tersebut bagi tujuan memeriksanya.

Sambungan

- Mana-mana orang berada di dalam tempat larangan berlanggaran dengan seksyen ini, atau semasa berada di tempat tersebut **tidak mematuhi apa-apa arahan yang diberi di bawah seksyen ini**, maka tanpa menjejaskan apa-apa prosiding yang boleh diambil terhadapnya,
- **Boleh dikeluarkan** daripada tempat itu oleh seorang pegawai berkuasa @ mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh penghuni premis itu.
- Paskad atau permit yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dalam bentuk yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat dibawahnya @ dalam apa-apa bentuk sebagaimana ditetapkan oleh pihak berkuasa @ orang lain yang dinyatakan di dalam perintah ini.

Notis Mengenai Perintah Dibawah Seksyen 4 Dan 5.

- Apabila sesuatu perintah dibuat di bawah seksyen 4 (1) atau seksyen 5 (1) Menteri hendaklah menyebabkan notis mengenai perintah itu diberi dalam apa jua cara yang difikirkan perlu bagi memberitahu kesemua orang yang pada pendapatnya patut diberitahu tentang hal itu; dan
- Perintah itu hendaklah, walau apa pun peruntukan seksyen 19 (1) Akta Tafsiran 1967 berkuatkuasa selepas sahaja notis itu diberi, tanpa penyiaran dalam *Warta*.

Penalti
(S. 7 Akta 298)

- Mana-mana orang melanggar @ tidak mematuhi mana-mana peruntukan yang terkandung dalam seksyen 4 @ 5 @ mana-mana perintah yang dibuat di bawahnya @ mana-mana arahan yang diberi @ kehendak yang dikenakan di bawahnya.
- Melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan boleh dikenakan penjara selama tempoh **dua tahun** atau **denda sebanyak satu ribu ringgit** atau **kedua-duanya** sekali.

Kesalahan Boleh Tangkap Dan Tidak Boleh Jamin (S. 8 Akta 298)

- Tiap-tiap kesalahan terhadap peruntukan-peruntukan Akta ini adalah boleh tangkap dan tak boleh jamin bagi maksud-maksud undang-undang yang sedang berkuatkuasa berhubung dengan prosedur jenayah.

Kuasa-kuasa Khas Di Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan (S. 9 Akta 298)

- Mana-mana orang yang cuba memasuki atau yang berada di dalam kawasan larangan atau tempat larangan dan tidak berhenti setelah **dicabar tiga kali** oleh pegawai berkuasa supaya berbuat demikian boleh **ditangkap dengan kekerasan**, yang mana kekerasan itu jika perlu untuk melaksanakan penangkapan itu boleh berlanjutan sehingga boleh menyebabkan kematian dengan sengaja.

Langkah-langkah Keselamatan Di Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan (S. 10 Akta 298)

- Sah disisi undang-undang bagi Menteri membenarkan supaya diambil apa-apa langkah yang didapatinya perlu bagi melindungi mana-mana kawasan larangan atau tempat larangan dan langkah-langkah keselamatan yang melibatkan atau mungkin melibatkan bahaya kepada nyawa mana-mana orang yang memasuki atau cuba memasuki kawasan larangan atau tempat larangan.

Sambungan

- Apa-apa langkah seperti yang tersebut dalam subseksyen (1) diterima-pakai Ketua Polis Negara @ Ketua Pegawai Polis kawasan @ Negeri di mana kawasan larangan @ tempat larangan itu terletak, @ mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri bagi maksud itu hendaklah mengambil apa-apa langkah berjaga-jaga;
- Termasuklah **mempamerkan dengan terang notis-notis amaran** seperti yang di dapati semunahsabahnya perlu bagi **mencegah kemasukan** yang silap atau tak sengaja ke dalam mana-mana kawasan larangan atau tempat larangan; dan
- jika langkah berjaga-jaga sedemikian telah diambil dengan sewajarnya tiada seorang pun adalah berhak mendapat pampasan atau ganti rugi berkenaan dengan apa-apa disebabkan oleh kemasukan yang tak dibenarkan ke dalam mana-mana kawasan larangan atau tempat laranga tersebut.

ZON EKONOMI EKSKLUSIF (ZEE)

- Zon laut yang ditetapkan oleh [Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Undang-Undang Laut](#) di mana sesebuah [negara](#) itu mempunyai hak-hak khas berkaitan penerokaan dan penggunaan [sumber-sumber](#) lautan termasuk penghasilan tenaga daripada air dan angin. Zon ini menjangkau sejauh 200 [batu nautika](#) dari garis pangkal pantai sesebuah negara itu. Ia kadangkalanya turut termasuk [pentas benua](#) dalam konteks tidak formal. Zon ini tertumpu kepada hak berdaulat (*sovereign right*) iaitu hak sesebuah negara pesisiran kepada segala isi di dasar laut berbanding dengan [perairan wilayah](#) yang lebih tertumpu kepada kedaulatan sesebuah negara di perairan berdekatnya.
- Zon ini bersama [zon berdampingan](#) terletak di luar batasan 12 batu nautika [perairan wilayah](#), oleh itu sebahagian daripada [perairan antarabangsa](#).

ZEE

- Zon ekonomi eksklusif sesebuah negara itu merupakan kawasan melepasi dan selari dengan lingkungan perairan wilayah pada jarak tidak lebih daripada 200 [batu nautika](#) (370 km) dari [garis pangkal](#) pesisiran negara tersebut. Perkara ini ada pengecualiannya pada zon-zon sebegini yang bertindih yakni kurang daripada 400 batu nautika (740 km) antara satu sama lain, di mana kesemua pihak yang berkenaan bertanggungjawab menyelesaikan masalah [persempadanan maritim](#) ini. Mana-mana titik dalam kawasan yang bertindih biasanya akan diberikan kepada negara yang berdekatan.
- Zon ekonomi eksklusif sesebuah negara bermula pada sisi meghadap laut perairan wilayahnya menjangkau jauh pada jarak 200 batu nautika (370.4 km) dari garis pangkal, yakni lebih jauh berbanding [perairan wilayah](#) yang tamat pada jarak 12 batu nautika (22 km) daripada garis pengkal pantai (jika mengikut peraturan yang termaktub dalam [Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Undang-Undang Laut](#)). Oleh itu, zon-zon tersebut termasuk [zon berdampingan](#). Negara-negara juga mempunyai hak ke atas [dasar laut pentas benua](#) sejauh batu nautika (648 km) dari garis pangkal pesisiran melepasi zon-zon ekonomi eksklusif, namun kawasan-awasan ini tidak termasuk dalam zon-zon tersebut.

Kelebihan ZEE

- Memberikan hak pengeksploitan kawasan.
- Dengan penguatkuasaan, ZEE meletakkan suatu kawasan perairan itu (meliputi jarak sejauh 320km atau 200 batu nautika dari pantai) di bawah penguasaan sesebuah negara. Dengan ini, memberikan hak kepada sesebuah negara mengeksploitasi suatu kawasan untuk projek cari gali minyak.
- Contohnya, dengan kewujudan ZEE, Malaysia berjaya meneroka kawasan di luar pesisir pantai Terengganu dalam lingkungan 170 batu nautika sehingga mendapatkan sumber minyak di kawasan tersebut.

Sambungan

- Membolehkan pengendalian sumber.
- Segala sumber yang terangkum dalam ZEE ini membolehkan aktiviti perikanan dijalankan di kawasan ini.
- Sebarang pencerobohan terhadap ZEE, oleh sesebuah negara boleh diambil tindakan oleh negara yang mengawal ZEE berkenaan.

AKTA ZON EKONOMI EKSKLUSIF, 1984
(AKTA 311)

- Tarikh Perkenan Diraja 24 Disember 1984
- Tarikh penyiaran dalam *Warta* 31 Disember 1984
- Kali terakhir dipinda oleh Akta A1277
- berkuat kuasa pada 1 Mei 2007

AKTA ZON EKONOMI EKSKLUSIF, 1984 (AKTA 311)

- Suatu Akta berhubungan dengan zon ekonomi eksklusif dan aspek tertentu mengenai pelantar benua Malaysia dan bagi membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan aktiviti dalam zon dan pelantar benua dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
- Jika sekiranya berlaku apa-apa percanggahan atau ketidakkonsistenan di antara peruntukan Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, peruntukan Akta ini hendaklah menggantikan peruntukan yang bercanggah atau tidak konsisten undang-undang bertulis yang terpakai itu dan peruntukan yang terkemudian itu hendaklah ditafsirkan sebagai digantikan sedemikian

Sambungan

- Peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai yang tidak bercanggah atau berlawanan dengan peruntukan Akta ini hendaklah sebaliknya terus terpakai.
- Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi berkuatkuasanya peruntukan berlainan Akta ini dalam kawasan berlainan zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua.

Pegawai yang diberi kuasa (AKTA 311)

- Mana-mana pegawai perikanan sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 *Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*] sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Ordinan Perkapalan Dagang 1952 [*Ordinan 70 tahun 1952*],
- Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Polis 1967 [*Akta 344*],
- Mana-mana pegawai kastam sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*],

Sambungan

- Mana-mana pegawai angkatan tentera sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Angkatan Tentera 1972 [*Akta 77*]
- Mana-mana pegawai awam, tidak kira pangkat yang memerintah sesuatu vesel kepunyaan Kerajaan atau mana-mana orang atau kelas orang lain yang dilantik menjadi seorang pegawai yang diberi kuasa atau pegawai-pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 39;

Kuasa pegawai yang diberi kuasa

- Bagi maksud memastikan pematuhan peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh, jika dia mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu, tanpa waran— (S. 24 (1) Akta 311)
- menahan, menaiki dan menggeledah mana-mana vesel dalam zon ekonomi eksklusif dan memeriksa apa-apa lesen, permit, rekod, perakuan atau apa-apa dokumen lain yang dikehendaki dibawa atas vesel tersebut di bawah Akta ini, atau undang-undang bertulis itu atau apa-apa kaedah dan standard antarabangsa yang diakui umum, dan membuat salinan daripadanya;

Sambungan

- membuat apa-apa penyiasatan selanjutnya dan pemeriksaan fizikal vesel, krunya, kelengkapan, alat perkakas, perabot, segala yang bersangkutan dengannya, storan dan kargo sebagaimana perlu bagi menentukan sama ada atau tidak suatu pelanggaran yang disyaki terhadap peruntukan Akta ini atau undang-undang bertulis itu telah dilakukan;
- memasuki dan menggeledah mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu akan atau telah dilakukan;

Sambungan

- menangkap mana-mana orang yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu;
- menahan apa-apa benda yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai telah digunakan dalam perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu;

Sambungan

- menahan apa-apa vesel, termasuk kelengkapan, alat perkakas, perabot, segala yang bersangkutan dengannya, storan dan kargonya yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai telah digunakan dalam perlakuan apa-apa kesalahan atau berhubungan dengan apa-apa kesalahan yang telah dilakukan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu.
- Suatu surat penerimaan hendaklah diberi bagi apa-apa benda, vesel atau barang yang ditahan di bawah subseksyen (1). (S. 24 (1) Akta 311)

Menghalang pegawai yang diberi kuasa, dll.

- Dengan sengaja menghalang mana-mana pegawai yang diberi kuasa dalam menjalankan mana-mana kuasa yang diberi kepadanya oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai; (S. 28 Akta 311)
- Tidak mematuhi perintah atau kehendak seseorang yang berkaitan di bawah Akta ini atau undang-undang bertulis itu; atau
- Tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau undang-undang bertulis itu yang tidak ada hukuman diperuntukkan baginya kerana kegagalan mematuhi dengannya itu,

Kejar buru

- Jika mana-mana pegawai yang diberi kuasa mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa suatu vesel asing telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, dia boleh mengejar buru vesel tersebut dengan tujuan menahan dan menangkapnya dan membawanya ke dalam zon ekonomi eksklusif mengikut undang-undang antarabangsa. (S. 25 (1) Akta 311).
- Kuasa yang diberi kepada pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 24 bolehlah dijalankan menurut seksyen ini berkenaan dengan vesel tersebut melampaui had zon ekonomi eksklusif setakat yang dibenarkan oleh undang-undang antarabangsa. (S. 25 (2) Akta 311)

Sambungan

- Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya oleh apa-apa perjanjian serantau atau dua hala yang mana Malaysia ialah satu pihak, hak kejar buru hendaklah terhenti sebaik sahaja vesel itu memasuki laut wilayah atau zon ekonomi eksklusif Negaranya sendiri atau mana-mana Negara ketiga. (S. 25 (3) Akta 311)

Yang di-Pertuan Agong boleh melantik orang lain menjadi pegawai yang diberi kuasa

- Tanpa menjejaskan takrif “pegawai yang diberi kuasa” dalam seksyen 2, Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah dalam *Warta*, melantik orang atau kelas orang lain sebagaimana yang difikirkannya perlu menjadi pegawai yang diberi kuasa atau pegawai-pegawai yang diberi kuasa bagi maksud Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai. (S. 39 Akta 311) .

Seksyen 3 (AKTA 311)

- Zon ekonomi eksklusif Malaysia, sebagaimana diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut P.U. (A) 115/1980, ialah suatu kawasan yang melampaui dan berdampingan dengan laut wilayah Malaysia dan, tertakluk kepada subseksyen (2) dan (4), meluas sehingga sejauh dua ratus batu nautika daripada garis asas yang darinya lebar laut wilayah itu diukur. (S. 3 (1) Akta 311) .
- Jika ada suatu perjanjian berkuat kuasa atas perkara itu di antara Malaysia dan suatu Negara dengan pantai yang bertentangan atau berdampingan, soal yang berhubungan dengan persempadanan zon ekonomi eksklusif hendaklah ditetapkan mengikut peruntukan perjanjian itu. (S. 3 (2) Akta 311) .

Sambungan

- Jika Yang di-Pertuan Agong menimbangkan perlu untuk berbuat demikian, dengan mengambil perhatian kepada undang-undang antarabangsa, amalan Negara atau perjanjian yang disebutkan dalam subseksyen (2), dia boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengubah had zon ekonomi eksklusif yang ditetapkan mengikut subseksyen (1). (S. 3 (4) Akta 311) .

Hak kedaulatan dalam, dan bidang kuasa ke atas, zon ekonomi eksklusif (S. 4 Akta 311)

- Dalam zon ekonomi eksklusif, Malaysia mempunyai—
- *(a)* hak kedaulatan bagi maksud menjelajah dan mengeksploitasi, memelihara dan menguruskan sumber alam, sama ada hidupan atau bukan hidupan, dari dasar laut dan tanah bawah dan perairan superjansen, dan mengenai aktiviti lain bagi pengeksplotasian ekonomi dan penjelajahan zon, seperti pengeluaran tenaga dari air, arus dan angin;

Sambungan

- *(b)* bidang kuasa mengenai—
 - penubuhan dan penggunaan pulau buatan, pemasangan dan struktur;
 - *(ii)* penyelidikan saintifik laut;
 - *(iii)* perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar laut; dan
- *(c)* apa-apa hak dan kewajipan lain sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang antarabangsa.

Larangan aktiviti dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua kecuali jika dibenarkan (S. 5 AKTA 311)

- Kecuali jika dibenarkan mengikut peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, tiada seseorang pun boleh dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua—
- Menjelajah atau mengeksploitasi apa-apa sumber alam, sama ada hidupan atau bukan hidupan;
- Menjalankan apa-apa kerja penyelidikan penggalian atau penggerudian;
- Menjalankan apa-apa penyelidikan saintifik laut; atau

Sambungan

- Membina atau memberi kuasa dan mengawal selia pembinaan, pengendalian dan penggunaan:-
 - (i) mana-mana pulau buatan;
 - (ii) apa-apa pemasangan atau struktur bagi maksud yang diperuntukkan dalam seksyen 4 atau bagi apa-apa maksud ekonomi lain; atau
 - (iii) apa-apa pemasangan atau struktur yang mungkin mengganggu perjalanan hak Malaysia dalam zon atau pelantar benua.

Perikanan (Bahagian 111)

- Laut yang terkandung dalam zon ekonomi eksklusif hendaklah menjadi sebahagian daripada perairan perikanan Malaysia (S. 6 Akta 311).
- Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perikanan hendaklah juga bertanggungjawab mengenai perikanan dalam zon ekonomi eksklusif (S. 7 Akta 311).
- Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan perikanan hendaklah terpakai dalam zon ekonomi eksklusif dan pelantar benua dengan apa-apa ubah suaian yang perlu atau pengecualian sebagaimana diperuntukkan dalam suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 42 (S. 8 Akta 311).

PERLINDUNGAN DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR LAUT

- Malaysia mempunyai hak kedaulatan untuk mengeksploitasi sumber alamnya dalam zon ekonomi eksklusif menurut dasar alam sekitarnya dan mengikut kewajipannya untuk melindungi dan memelihara alam sekitar laut dalam zon (S. 9 Akta 311).

PULAU BUATAN, PEPASANGAN DAN STRUKTUR BAHAGIAN VI

- **Larangan ke atas pembinaan, pengendalian atau penggunaan pulau-pulau buatan, dll. kecuali dengan kebenaran.**
- Tiada seorang pun boleh membina, mengendali atau menggunakan mana-mana pulau buatan, pemasangan atau struktur dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua kecuali dengan kebenaran Kerajaan dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan (S. 21 (1) Akta 311)

Sambungan

- Kerajaan hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif ke atas pulau buatan, pemasangan dan struktur dalam zon dan pelantar benua, termasuk bidang kuasa mengenai kastam, fiskal, kesihatan, keselamatan dan undang-undang imigresen (S. 21 (2) Akta 311).
- Kerajaan boleh, apabila perlu, menubuhkan zon keselamatan yang munasabah di sekeliling pulau buatan, pemasangan dan struktur yang dalamnya langkah-langkah yang berkenaan bagi memastikan keselamatan kedua-dua navigasi dan mengenai pulau buatan, pemasangan dan struktur. (S. 21 (3) Akta 311).

Sambungan

- Bidang zon keselamatan hendaklah ditetapkan oleh Kerajaan, dengan mengambil perhatian standard antarabangsa yang terpakai. Notis sewajarnya hendaklah diberi mengenai takat zon keselamatan. (S. 21 (4) Akta 311).
- Semua vesel mesti menghormati zon keselamatan ini dan hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang Kerajaan mungkin berikan mengikut standard antarabangsa yang diakui umum mengenai navigasi sekeliling pulau buatan, pemasangan, struktur dan zon keselamatan. (S. 21 (5) Akta 311).

Undang-undang bertulis hendaklah terpakai dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua atau kedua-dua dengan perintah

- Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah dalam *Warta*, memperuntukkan mana-mana undang-undang bertulis supaya terpakai dalam zon ekonomi eksklusif atau pelantar benua atau kedua-duanya. (S. 42 (1) Akta 311) .
- Mana-mana perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan undang-undang bertulis tersebut supaya terpakai dengan apa-apa pengubahsuaian atau pengecualian kepadanya sebagaimana difikirkannya perlu dan jika dibuat sedemikian olehnya, undang-undang bertulis tersebut hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya dalam pemakaiannya dalam zon ekonomi eksklusif, pelantar benua atau kedua-duanya. (S. 42 (2) Akta 311) .

Sambungan

- Pengubahsuaian yang disebutkan dalam subseksyen (2) boleh meliputi pindaan kepada undang-undang bertulis tersebut yang Yang di-Pertuan Agong fikirkan perlu— (S. 42 (3) Akta 311) .
- *(a)* untuk menjadikan undang-undang bertulis itu berkesan dalam pemakaiannya dalam zon ekonomi eksklusif, pelantar benua atau keduanya;
- *(b)* bagi mengelakkan apa-apa percanggahan atau ketakkonsistenan di antara peruntukan undang-undang bertulis tersebut dan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai; atau

Sambungan

- (c) menyeleraskan peruntukan undang-undang bertulis itu dengan peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang terpakai.
- Apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat secepat mungkin selepas ia dibuat, dan jika suatu usul dicadangkan dan dijalankan oleh Dewan tersebut, dalam masa tiga bulan dari tarikh perintah dibentangkan di hadapannya, tidak membenarkan perintah itu, perintah itu hendaklah kemudiannya menjadi tidak sah tetapi tanpa menjejaskan kesahan apa-apa jua yang dibuat di bawah perintah itu atau pembuatan apa-apa perintah baharu. (S. 42 (4) Akta 311) .

Undang-undang bertulis yang terpakai

- *(a)* yang diperuntukkan yang terpakai berkenaan dengan zon ekonomi eksklusif, pelantar benua atau kedua-duanya, mengikut mana yang berkenaan, melalui perintah yang dibuat di bawah seksyen 42 atau selainnya diperuntukkan dengan khususnya sebagai dipakai sedemikian; atau
- *(b)* terpakai berkenaan dengan pelantar benua di bawah peruntukan Akta Pelantar Benua 1966,
- dan termasuk Akta Pelantar Benua 1966;